

PENGENALAN



1.1 Latar Belakang MPSJ

Sejarah penubuhan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bermula daripada amalan naiktaraf Majlis Daerah Petaling kepada MPSJ di bawah Seksyen 4 melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No:26 bertarikh 2 Januari 1997 mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Inisiatif naiktaraf ini adalah bertujuan untuk menyusun semula organisasi pentadbiran bagi menghadapi arus pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan pemulihan alam sekitar.

MPSJ adalah merupakan sebuah organisasi yang cenderung kepada budaya kecemerlangan. Dalam tempoh 14 tahun mentadbir sebuah perbandaran seluas 161.8 km persegi, MPSJ meneruskan cabaran membangunkan sebuah “Perbandaran Bestari, Kota Niaga, Kediaman Idaman” dengan penuh azam dan iktikad kecemerlangan. Justeru, MPSJ gigih mempertingkatkan inisiatif dan inovasi perkhidmatan bukan sahaja bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan MPSJ kepada rakyat, malah memberikan kehidupan yang lebih berharga.

1.2 Zon Pentadbiran Subang Jaya

Zon pentadbiran Subang Jaya terbahagi kepada empat iaitu :

- i. Zon Subang Jaya
- ii. Zon Kinrara
- iii. Zon Sri Serdang
- iv. Zon Seri Kembangan



1.3 Visi MPSJ

Menjadi PBT terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman.

1.4 Misi MPSJ

Menguruskan perkhidmatan perbandaran bertaraf antarabangsa kea rah menjadikan Majlis sebuah perbandaran sejahtera, bestari dan dinamik menjelang 2020.

1.5 Fungsi dan Peranan MPSJ

- Menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kemudahan awam seperti pengurusan sampah, penyelenggaraan jalan, landskap dan lampu jalan.
- Menyediakan kemudahan untuk komuniti seperti pusat-pusat rekreasi, taman permainan kanak-kanak, medan selera dan dewan komuniti.
- Penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan persekitaran kawasan sentiasa berada dalam keadaan yang baik di samping menjamin kebersihan dan kesihatan awam pada tahap optimum.
- Menyediakan pusat-pusat kemudahan seperti Pasar Awam, Hentian Bas, Taman Awam, Padang Permainan, Tandas Awam, Laluan Pejalan Kaki, Tempat Letak Kereta dan Jejantas.
- Menggalakkan pertumbuhan perdagangan, industri dan pelancongan.
- Mengimplimentasi projek-projek pembangunan seperti Jalan, Gerai, Stadium, Rumah Kos Rendah.
- Menambahbaik kualiti kehidupan rakyat melalui Tadbir Urus yang gemilang.

2.0 PENGENALAN KEPADA INOVASI KUNCI KOMPAUN MPSJ : IDEA DAN OUTPUT PROJEK INOVASI

2.1 Pengenalan Projek

MPSJ adalah merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), lain-lain sumber perundangan Negeri dan Persekutuan serta Undang-Undang Kecil MPSJ.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab MPSJ yang diperuntukkan bagi menguatkuasakan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta MPSJ 2007), Kunci Kompaun Kenderaan MPSJ telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan memberi fokus terhadap kesalahan di bawah halangan lalulintas.

Penggunaan kunci kompaun MPSJ telah mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 2009 selepas mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 10/2009 pada 27hb Oktober 2009 dan telah dimulakan di kawasan perniagaan USJ 10 (Taipan) dan SS 15, Subang Jaya.

Kunci Kompaun Kenderaan adalah merupakan sebuah alat yang diletakkan pada cermin sisi kenderaan yang didapati melakukan kesalahan meletak kenderaan secara bertindih (*double parking*), meletak kenderaan di garisan kuning atau menghalang laluan di bawah peruntukan Perintah 36 (1) kod kesalahan (K14) iaitu menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak atau tempat letak kereta.



Rajah 1: Pemasangan Kunci Kompaun Pada Kenderaan

Pemilik, pemandu atau pengguna kenderaan yang telah dikeluarkan Kunci Kompaun hendaklah membayar kompaun di kaunter khas MPSJ bagi membolehkan Kunci Kompaun tersebut dibuka. Kegagalan berbuat demikian, pesalah turut boleh dikenakan pertuduhan tambahan di bawah Undang-Undang Kecil Vandalisme MPSJ yang mana kompaun maksimum sebanyak RM1,000.00 boleh dikenakan.

2.1.1 Rasional Perlaksanaan

Inovasi ini dicetuskan bagi :

- i. Meningkatkan kecekapan penguatkuasaan MPSJ;
- ii. Sebagai didikan terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan;
- iii. Mengurangkan tunggakan penyelesaian kompaun;
- iv. Meningkatkan imej MPSJ sebagai sebuah Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman; dan
- v. Memberi nilai tambah dalam perkhidmatan MPSJ.

2.1.2 Objektif Kunci Kompaun MPSJ

Objektif pelaksanaan Kunci Kompaun MPSJ adalah :

- i. Menguatkuasakan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan tempat letak kereta MPSJ 2007) dengan penggunaan kunci kompaun terhadap kenderaan yang melanggar undang-undang di bawah peruntukan perkara di atas.
- ii. Mendidik dan mendisiplinkan pemilik kenderaan agar tidak sewenang-wenangnya meletakkan kenderaan mereka sehingga mengganggu kelancaran lalulintas.
- iii. Meningkatkan peratusan pembayaran kompaun lalulintas oleh pesalah trafik kerana bagi membuka kunci tersebut, bayaran kompaun hendaklah dijelaskan terlebih dahulu.
- iv. Mengurangkan kesalahan lalulintas terutama di kawasan-kawasan komersil.
- v. Memperkasa integriti dan kecemerlangan MPSJ.



Rajah 2 : Peralatan Kunci Kompaun

2.1.3 Masalah Dihadapi Sebelum Inovasi



Rajah 3: Masalah yang dihadapi

2.1.4 Penambahbaikan berterusan

MPSJ sentiasa memantau dan mengkaji keberkesanan pelaksanaan Kunci Kompaun dan sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Pihak Majlis bercadang untuk memperluaskan kawasan pelaksanaan serta menguatkuasakan undang-undang lalulintas di bawah peruntukan Perintah 4 (Tidak dibenarkan meletak kereta kecuali di tempat letak kereta) kod kesalahan (K01) iaitu meletak suatu kenderaan motor, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di tempat dan petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis.

Selepas mendapati bahawa inovasi Kunci Kompaun Kenderaan telah membawa impak yang positif, pelaksanaan Kunci Kompaun Kenderaan telah diperluaskan kepada premis-premis perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPSJ) 2007.

2.2 KUNCI KOMPAUN MPSJ

2.2.1 Dikunci Pada Kenderaan Atau Premis Perniagaan

Alat Kunci Kompaun MPSJ diperbuat daripada bahan *forged die cast metal insulated with nylon* dan *polyester housing with heat and wáter resistant*. Ia telah diuji tidak boleh dibuka tanpa menggunakan kunci asal melainkan dengan memotong atau memusnahkan bahagian kuncinya.

Bagi Kunci Kompaun Kenderaan, ia dipasang pada cermin sisi kenderaan. Keadaan ini, sedikit sebanyak akan mengganggu pandangan dari cermin sisi. Pada masa yang sama, kebanyakan pemilik kenderaan akan berasa gusar sekiranya Kunci Kompaun tersebut meninggalkan kesan calar kepada badan kenderaan akibat tiupan angin apabila kelajuan kenderaan ditingkatkan. Justeru, Orang Kenan Kompaun (OKK) akan segera membuat bayaran agar Kunci Kompaun tersebut dibuka.

Pada masa yang sama, Kunci Kompaun yang dipasang samada pada cermin sisi kenderaan atau di premis perniagaan akan mengundang persepsi daripada orang sekeliling mahupun pelanggan yang mana ia secara tidak langsung memberi kesan psikologi kepada pesalah untuk segera menyelesaikan kompaun mereka.

2.3 IMPAK INOVASI KUNCI KOMPAUN MPSJ

Sistem Kunci Kompaun MPSJ telah menunjukkan keberkesanannya dengan memberi impak positif terhadap :

- i. Kos (Kos Efektif)
- ii. Penurunan Statistik Kesalahan Lalulintas
- iii. Kecemerlangan MPSJ

2.4 KESIMPULAN

Secara dasarnya, inovasi Kunci Kompaun yang telah dilaksanakan telah dapat menangani aduan kesesakan lalulintas di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti di mana aduan yang paling banyak diterima di Jabatan Penguatkuasaan sebagai langkah alternatif kepada tindakan penguatkuasaan yang melibatkan kes-kes parkir bertindih selain daripada tindakan tundaan.

Pelaksanaan inovasi ini juga telah dapat menimbulkan kesedaran dan mendisiplinkan orang awam serta pemandu tegar agar mematuhi undang-undang lalulintas yang telah ditetapkan. Ianya juga telah mendorong Orang Kena Kompaun (OKK) untuk membuat pembayaran terus di Kaunter Hasil MPSJ dan secara tidak langsung telah memberi hasil kepada pihak Majlis dengan kadar segera dan sekaligus mengurangkan jumlah kompaun tertunggak.



Rajah 4 : Manfaat Kunci Kompaun MPSJ

Pelaksanaan inovasi Kunci Kompaun MPSJ telah menunjukkan keberkesanannya dalam :

- Meningkatkan kadar kutipan kompaun.
- Mengurangkan kompaun tertunggak.
- Mempercepatkan kadar kutipan bayaran NTK.
- Menambah hasil kepada organisasi.
- Mengurangkan masalah kesesakan lalulintas terutama di kawasan komersil.
- Mendisiplinkan orang awam dan pemandu tegar.
- Mendidik masyarakat agar tidak menghalang petak tempat letak kereta.
- Kaedah mesra pengguna berbanding kunci tayar.
- Kaedah yang tidak memudaratkan kenderaan awam.
- Memberi tempoh yang secukupnya kepada pengguna untuk menyelesaikan kompaun.